



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2017

**PENAMBAHBAIKAN PERATURAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN
PERUBATAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG RAWATAN
DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN. BHD.**

TUJUAN

1. Surat pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk menambah baik peraturan kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) bagi pegawai/pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga pegawai/pesara yang berkelayakan untuk mendapat rawatan di IJNSB.
2. Surat pekeliling ini juga bertujuan menjelaskan pelaksanaan perbelanjaan rawatan di IJNSB kepada pegawai/pesara Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga pegawai/pesara yang berkelayakan agar dapat dilaksanakan dengan teratur.

LATAR BELAKANG

3. Peraturan berkaitan kemudahan perubatan pada masa ini telah dijelaskan melalui Perintah Am Bab F (Kemudahan Perubatan) Tahun 1974, Pekeliling Perkhidmatan

Bilangan 21 Tahun 2009 - Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan (PP Bil. 21/2009) dan Surat Edaran rujukan JPA(SARAAN)(S)264/15/16-4 Jld.8(60) bertarikh 21 April 2010 - Pindaan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Bagi Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd.

PELAKSANAAN

Pakar Perubatan Kecemasan Dimasukkan Sebagai Pakar Rujuk Rawatan di IJNSB

4. Peraturan semasa menetapkan pegawai/pesara, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga pegawai/pesara yang berkecemasan perlu dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum (*Physician*), Pakar Kardiologi di hospital/klinik Kerajaan atau swasta untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB.

5. Bagi menambah baik pelaksanaan kemudahan perubatan di IJNSB, Kerajaan telah bersetuju supaya doktor pakar dalam **bidang kecemasan (Pakar Perubatan Kecemasan)** dari hospital/klinik Kerajaan atau swasta **dimasukkan sebagai salah seorang pakar yang boleh merujuk** pegawai/pesara, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga pegawai/pesara yang berkecemasan untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB.

Peraturan Perbelanjaan dan Bayaran Rawatan di IJNSB

6. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan seperti mana diperuntukkan melalui PP Bil. 21/2009.

7. Selaras hasrat mengutamakan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam, pelaksanaan berkaitan permohonan perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan di IJNSB adalah seperti berikut:

- (i) bagi pegawai/pesara **Perkhidmatan Awam Persekutuan**, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga yang berkelayakan, permohonan perbelanjaan kemudahan tersebut akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh **KKM**;
- (ii) bagi pegawai/pesara **Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan**, ibu bapa pegawai dan ahli keluarga yang berkelayakan, permohonan perbelanjaan kemudahan tersebut akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh **Ketua Jabatan masing-masing**;
- (iii) IJNSB hendaklah mengemukakan tuntutan kepada KKM atau Ketua Jabatan pegawai/pesara bagi perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan di bawah tanggungan masing-masing; dan
- (iv) penggunaan Borang Tuntutan 1/09 seperti di perenggan 11(iv), PP Bil. 21/2009 adalah tidak terpakai **bagi kemudahan perubatan yang diperoleh di IJNSB sahaja**.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 11(iv), PP Bil. 21/2009 dan Surat Edaran rujukan JPA(SARAAN)(S)264/15/16-4 Jld.8(60) bertarikh 21 April 2010 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

9. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

24 November 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan